

**SOALAN LAZIM**  
**PENGURUSAN RUANG PEJABAT - JRP**

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	<b>Di manakah borang permohonan penyewaan ruang pejabat boleh diperolehi?</b>	<p>Borang permohonan kelulusan penyewaan ruang pejabat boleh diperolehi dengan melayari laman web Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak iaitu <a href="http://www.supsrwk.gov.my">www.supsrwk.gov.my</a> atau dengan merujuk Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2011 Permohonan Kelulusan Penyewaan Ruang Pejabat Di Premis Bukan Milik Kerajaan Persekutuan.</p>
2.	<b>Bagaimakah cara-cara untuk memohon kelulusan penyewaan ruang pejabat?</b>	<p>Cara memohon kelulusan penyewaan ruang pejabat adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengemukakan Borang JRP dan senarai semakan JRP yang telah lengkap diisi beserta kelulusan daripada jabatan-jabatan berikut:-</li> <li>◦ Bahagian Belanjawan Kementerian Kewangan Malaysia (bagi penyewaan baharu dan pelanjutan sekiranya kenaikan kadar sewa 10% DAN nilai tepat RM300 dan ke atas sebulan);</li> <li>◦ Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan harta yang berhampiran;</li> <li>◦ Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang berhampiran;</li> <li>◦ Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan yang berhampiran;</li> <li>◦ Unit Perancang Ekonomi (Standard &amp; Cost), Jabatan Perdana Menteri sekiranya ruang melebihi 464.50 meter persegi (5000 kaki persegi); dan</li> <li>• Maklumat tambahan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Surat tawaran daripada pemilik</li> <li>◦ Pelan lantai/ Pelan susun atur</li> <li>◦ Gambar Bangunan</li> <li>◦ Salinan Pendaftaran Hakmilik dan dokumen yang berkaitan dengannya seperti surat persetujuan penyewaan daripada pemegang gadaian, surat perjanjian jual beli, surat perwakilan kuasa, surat perjanjian penyewaan dan sebagainya.</li> </ul> </li> </ul>

3.	<b>Berapa lamakah tempoh bagi penyewaan ruang pejabat?</b>	Tempoh penyewaan ruang pejabat adalah tidak lebih daripada tiga (3) tahun dan jabatan boleh memohon untuk memohon penyewaan kurang daripada tiga (3) tahun
4.	<b>Apakah tindakan jabatan sekiranya perlanjutan penyewaan ruang pejabat melibatkan kenaikan kadar sewa?</b>	Sekiranya kenaikan kadar sewa 10% DAN nilai tepat RM300 dan ke atas sebulan, jabatan perlu mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan Malaysia dan sekiranya kurang, tidak memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan.
5.	<b>Adakah kos ubahsuai dan perabot boleh dimasukkan kedalam kadar sewa ruang pejabat?</b>	Kadar sewa ruang pejabat hanya untuk ruang kosong sahaja. Jabatan perlu mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa bagi perolehan perabut dan ubahsuai.
6.	<b>Berapa banyakkah salinan dokumen permohonan kelulusan penyewaan ruang pejabat yang perlu dikemukakan kepada Urus Setia JRP Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak?</b>	Dokumen yang lengkap dalam 1 set/ salinan perlu dikemukakan.
7.	<b>Apakah tindakan jabatan apabila permohonan penyewaan ruang pejabat tidak mendapat sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ataupun Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan?</b>	Sekiranya jabatan tidak mendapat sokongan daripada salah satu daripada jabatan berkenaan, jabatan perlulah mencari alternatif ruang pejabat lain untuk disewa.